

07/05/2003

Petronas teroka pasaran baru LNG

Kadir Dikoh

PETRONAS sedang menggiatkan usaha meneroka pasaran baru untuk gas asli cecair (LNG), berikutan siapnya Kompleks LNG bersepadu miliknya di Bintulu

yang menyumbang kepada peningkatan keupayaan.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata usaha itu juga

dibuat bagi meningkatkan daya saing syarikat berikutan kemunculan pengeluar LNG baru di pasaran dunia.

Kompleks bersepadu di Bintulu menempatkan tiga loji dan bakal menjadi kompleks LNG tunggal terbesar di dunia, yang membolehkan Petronas memberi

khidmat lebih baik kepada pelanggannya.

Loji itu ialah Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG), Malaysia LNG Dua Sdn Bhd (MLNG2) dan Malaysia LNG Tiga Sdn Bhd (MLNG3), dengan gabungan kapasiti pengeluaran 23 juta tan setahun menjelang Oktober ini.

"Fasa baru ini menandakan bermulanya operasi MLNG3 yang akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 23 juta tan setahun, menjadikannya kemudahan pengeluaran LNG terbesar tunggal dunia.

"Dengan pertambahan kapasiti itu, MLNG akan berusaha menembusi pasaran baru," katanya tetapi tidak menyatakan di mana sasaran untuk pasaran baru terbabit.

Azizan berkata demikian dalam perutusan perasmian Kompleks LNG Bersepadu

Petronas itu yang dijangka disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Pembeli utama LNG itu ialah Jepun, Korea dan Taiwan. Malaysia mengeluarkan LNG sejak 20 tahun lalu MLNG memulakan operasi di loji ketiganya bulan lalu bagi memenuhi peningkatan permintaan.

LNG menyumbangkan pendapatan RM12.4 bilion kepada negara tahun lalu, iaitu mewakili 5.6 peratus daripada keseluruhan jumlah keluaran Negara Kasar (KNK).

Azizan berkata, perasmian kompleks itu menandakan siapnya fasa pertama pembangunan industri gas di Malaysia dan bermulanya fasa baru ketika Petronas bergerak memperluaskan pembabitannya.

Katanya, projek LNG di Bintulu adalah antara projek perindustrian terbesar negara ini dari segi pelaburan pokok, pembangunan, teknologi dan

impak kepada perindustrian negara.

Dalam perutusan sama, Presiden yang juga Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, berkata melalui pembangunan Kompleks LNG itu, Petronas menubuh dan memperkukuhkan lagi perikatan strategik dengan rakan

kongsi serta pelanggan LNG.

Katanya, ini sangat penting dalam keadaan wujudnya pengeluar LNG lain yang baru dan peningkatan bekalan LNG.

"Industri LNG ini akan terus menarik pelaburan, menggerak pendapatan tukaran asing, membina keupayaan tenaga kerja dan teknologi,

memperkukuhkan saingan eksport negara dan memperluaskan asas industri.

"Ia juga meningkatkan kegiatan nilai tambah yang menggerakkan faedah sampingan seperti pekerjaan baru, penyedia perkhidmatan tempatan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran," katanya.

Beliau berkata, kompleks itu juga menjadi satu lagi simbol kejayaan projek perindustrian negara yang diusahakan kerajaan menerusi Petronas.